

12 APR 1997

UMNO KELANTAN SETUJU BEKERJA SAMA DENGAN PAS BANGUNKAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Umno Kelantan telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Pas bagi membangunkan Kelantan seiring dengan kemajuan yang terdapat di negeri-negeri lain.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, persetujuan itu dicapai pada mesyuarat perhubungan Umno negeri yang dipengerusikan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, semalam.

"Mesyuarat itu telah memutuskan beberapa langkah yang perlu diambil untuk memajukan negeri Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran sejarah perjuangan kemerdekaan negara 1946-1996.

Beliau berkata, di samping itu beberapa bentuk pendekatan telah dirangka untuk merapatkan hubungan antara Umno dan kerajaan negeri Kelantan yang dipimpin oleh Pas.

Annuar berkata Dr Mahathir telah meminta semua pemimpin Umno Kelantan melaksanakan pendekatan yang telah diputuskan dalam mesyuarat tersebut tanpa dipengaruhi oleh emosi yang boleh merugikan orang Melayu.

Ketika berucap pada majlis itu Annuar berkata, keputusan Umno itu perlu dinilai dengan bijaksana oleh kerajaan negeri Kelantan dan tidak menganggapnya sebagai suatu muslihat politik," katanya.

--BERNAMA.

ZI RI